

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 37

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian bagi memastikan penyakit mental turut dapat dituntut di bawah insurans bagi menampung kos rawatan dan memperluaskan bantuan memandangkan berlakunya peningkatan kes kemurungan dan “anxiety disorder” daripada 12% pada tahun 2011 kepada 29% pada tahun 2017.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Masalah kemurungan dan “anxiety disorder” adalah tergolong di dalam kategori penyakit mental yang dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kerajaan sememangnya mengambil berat terhadap peningkatan kes kemurungan dan “anxiety disorder” di kalangan penduduk Malaysia sepertimana telah dibangkitkan. Dapatan Kajian Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) pada tahun 2015 menunjukkan prevalens penyakit kesihatan mental di kalangan populasi dewasa adalah 3 dalam 10 orang dan menunjukkan trend yang meningkat dari 10.7% pada tahun 1996 kepada 29.2% pada tahun 2015. Peratusan masalah kesihatan mental di kalangan kumpulan B40 pula didapati lebih tinggi iaitu 32% berbanding 28% dari kalangan bukan B40.

Untuk makluman, syarikat-syarikat insurans di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa dan seliaan Bank Negara Malaysia (BNM) khususnya dalam aspek keselamatan dan kekukuhan kewangan syarikat. Pakej manfaat dalam polisi perlindungan insurans yang ditawarkan oleh syarikat insurans swasta pula adalah berdasarkan perancangan perniagaan mereka dan kelestarian tahap keuntungan yang disasarkan.

Dalam pada itu juga, KKM telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan beberapa pihak insurans dan mereka sedang mengkaji cadangan untuk memperluaskan perlindungan bagi meliputi rawatan dan intervensi bagi penyakit-penyakit mental berkenaan. KKM sentiasa mengalu-alukan dan menyambut baik sebarang inisiatif syarikat insurans swasta dalam menawarkan polisi perlindungan insurans untuk penyakit kesihatan mental bagi menampung beban kos pembiayaan rawatan, perundingan dan lawatan susulan pesakit mental.

Sekian, terima kasih.